

Uchapan Belanjawan Tambahan bagi Tahun 1961.
(Provisional Development Estimate 1961)

Saya chadang hendak mengemukakan Head
126 - 129 bersama2.

Di-dalam Provisionla Development Estimate
tahun 1961 yang di-bentangkan di-dalam Rumah ini,
di-bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, ia-lah
peruntokan2 wang yang sedikit untok menaymbongkan
kerja2 yang besar yang di-chadang hendak di-buat pada
awal tahun 1961.

Berkenaan Sub-Head 1 - Land Development
Authority, suka saya memberi tahu bahawa sekarang
ini telah ada 13 ranchangan2 tanah dan semua-nya
sedang di-jalankan mengikut jadual.

Di-dalam tahun 1961 akan di-buka lagi 12
ranchangan2 tanah yang baharu dan perbelanjaan bagi
menjalankan kerja2 permulaan di-masokkan di-bawah
Head ini.

Berkenaan Sub-Head 6, LAND DEVELOPMENT
SCHEMES, wang sa-banyak \$495,940 yang di-masokkan
ia-lah untok bayaran penghabisan kapada Grant sa-
banyak \$1.6 M yang di-beri kapada F.L.D.A. dalam
tahun 1959 untok melaksanakan Minor Land Development
Schemes (Ranchangan2 Kemajuan Tanah yang Kechil2).

Berkenaan Sub-Head 11 RIDA Small Industries
Serivces Institutes: wang sa-banyak \$35,000/- ia-lah
untok menyiapkan Institute ini dan mana kala siap
akan menjadi sangat berguna untok memajukan perusahaan2
kechil di-kawasan luar bandar.

Berkenaan Sub-Head 12, Minor Capital Works in
Rural Areas sa-banyak \$500,000/-, wang ini pada masa yang
sudah2 di-untokkan kapada RIDA. Sekarang ini oleh

sebab banyak kerja2 RIDA berkenaan capital works telah di-sanggop oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar, maka peruntokan ini di-pindahkan ka-bawah Kementerian ini.

Berkenaan Sub-Head 15, Group Settlement Schemes, Pinjaman kepada Negeri2 \$2,628,000/-, N.L.C. telah bersetuju supaya bantuan2 di-beri untuk membuka tanah oleh Kerajaan2 Negeri di-bawah Land (Group Settlement Areas) Act. Dengan syarat wang boleh di-dapati, Kerajaan telah bersetuju membelanjakan sa-banyak \$49,560,000 untuk memberi bantuan kerana membuka tanah daripada 1961 - 1970. Bantuan daripada Kerajaan Persekutuan ini boleh di-bahagikan kepada dua pechahan:

- (i) Pinjaman untuk bayaran sukat menyukat dan tebang menebang serta membersekan tanah, dan
- (ii) Pemberian perchuma untuk membeli anak2 getah baka2 yang baik dan baja untuk kegunaan sa-lama 7 tahun.

Berkenaan Sub-Head 5, Central Pahang Mineral Clearance Survey sa-banyak \$50,000/-, satu Kawasan sa-luas 600 batu persegi di-Pahang Tengah telah di-pilih oleh Pejabat Sukat (Geological Survey) untuk menyiasatkan di-dalam tahun 1961 tentang layak atau tidak-nya kawasan ini di-buka untuk ranchangan kemajuan tanah.

Tuan Pengerusi, tuan, saya chadang supaya Head 126 - 129 di-persetujukan.